



JURNAL LINGUISTIK Vol. 23 (1) Jun 2019 (041-050)

Komunikasi Mediasi Komputer Secara Sinkronus (KMK-S) dalam Proses Pembelajaran Bahasa Sepanyol Sebagai Bahasa Asing

Rozita Che Omar

rozita@um.edu.my

Universiti Malaya, Malaysia

Nor Shahila Mansor

nsm@upm.edu.my

Universiti Putra Malaysia

Diterima : 26 April 2019
Received
Diterima untuk diterbitkan : 15 Jun 2019
Accepted
Diterbitkan dalam talian : 30 Jun 2019
Published online

Abstrak

Interaksi secara autentik dalam bahasa sasaran merupakan salah satu elemen penting dalam proses pembelajaran bahasa asing. Namun demikian pelajar di Malaysia mempunyai peluang yang amat terhad untuk berinteraksi dalam bahasa asing yang dipelajari. Komunikasi Mediasi Komputer secara sinkronus (KMK-S) dijangka dapat memberi peluang kepada pelajar untuk berkomunikasi secara semulajadi dengan penutur natif di samping meningkatkan kemahiran interaktif mereka. Tujuannya adalah untuk mengalakkan kecekapan linguistik dan pragmatik mereka. Selain itu, program laman sembang khususnya dapat membantu pelajar untuk berinteraksi dengan penutur natif seperti keadaan sebenar bagaimana bahasa itu digunakan. Kajian ini dijalankan untuk mengkaji apakah persepsi pelajar terhadap penggunaan KMK-S dalam pembelajaran bahasa Sepanyol. Selain itu kajian ini akan menjelaskan apakah manfaat pedagogi terhadap penggunaan KMK-S dalam pembelajaran bahasa Sepanyol sebagai bahasa asing. Percantuman KMK-S dalam pembelajaran bahasa Sepanyol diharapkan dapat meningkatkan pendedahan dan penggunaan bahasa ini kepada pelajar.

Kata Kunci: Komunikasi Mediasi Komputer- Kemahiran Interaktif- Kecekapan Linguistik, Strategi komunikasi- Manfaat Pedagogi

Synchronize Computer Mediation Communication (KMK-S) in the Spanish Learning Process As a Foreign Language

Abstract

Authentic interaction in the target language is one of the key elements in the learning process of a foreign language. However, students in Malaysia have very limited opportunities to interact in foreign languages learned. Synchronize Communication Mediated Computer (CMC-S) is expected to provide students with the opportunity to communicate authentically with native speakers as well as enhance their interactive skills. The goal is to promote their linguistics and pragmatic competence. Additionally, the chat site program in particular can help students to interact with native speakers as the actual situation of how the language is used. This study was conducted to examine the perception of the students on the use of CMC-S in Spanish learning. In addition, this study will explain the pedagogical benefits of using CMC-S in learning Spanish as a foreign language. CMC-S merger in Spanish learning is expected to increase the exposure and use of this language to students.

Keywords: *Communication Mediated Computer - Interactive Skills - Linguistic Efficiency, Communication Strategy - Pedagogy Benefits*

1. Pengenalan

Pelajar bahasa Sepanyol sebagai bahasa asing di Malaysia kurang berpeluang untuk berkomunikasi dengan penutur natif dalam bahasa sasaran. Hal ini berlaku kerana bahasa tersebut dituturkan di negara-negara yang terletak jauh dari Malaysia. Kedudukan geografi yang jauh menyukarkan pelajar untuk melatih penggunaan bahasa sasaran dengan penutur natif. Keadaan ini telah menyebabkan pelajar mencari pelbagai alternatif untuk berinteraksi dalam bahasa yang dipelajari. Salah satu daripadanya ialah dengan menggunakan medium laman sembang di internet. Menurut Harishon dan Nurul Husna (2018), penggunaan teknologi merupakan satu fenomena yang dicipta oleh manusia bagi memberi keselesaan dan keselamatan terhadap masyarakat dan situasi ini sudah tidak asing lagi pada masa kini. Justeru itu pelajar perlu mengambil peluang untuk menggunakan teknologi yang boleh membantu mereka untuk mempelajari bahasa asing.

Kajian ini dijalankan untuk mengkaji apakah persepsi pelajar terhadap penggunaan KMK-S yakni laman sembang dalam pembelajaran bahasa Sepanyol. Selain itu kajian ini akan menjelaskan apakah manfaat pedagogi terhadap penggunaan KMK-S dalam pembelajaran bahasa Sepanyol sebagai bahasa asing. KMK-S dijangka dapat memberi peluang kepada pelajar untuk berkomunikasi secara semulajadi dengan penutur natif di samping meningkatkan kemahiran interaktif mereka.

2. Perkembangan Penggunaan Internet di Malaysia dan penggunaan bahasa Sepanyol di Internet

Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (2016) telah merekodkan angka pengguna internet di Malaysia yang mencapai lebih kurang 20 juta pengguna. Perkembangan arena telekomunikasi dan pakej internet yang berharga lebih rendah turut menyumbang kepada peningkatan ini. Malaysia turut muncul sebagai negara ketiga yang mencatatkan peratusan tertinggi untuk segmen pengguna internet dengan nilai sebanyak 67 peratus selepas Singapura dan Brunei daripada jumlah keseluruhan pengguna Internet di seluruh Asia Tenggara kira-kira 252.4 juta (Harian Metro, 2015). Kajian ini menunjukkan kadar penembusan jalur lebar di Malaysia mencapai hampir 78 peratus. Kajian juga mendapati golongan yang masih bersekolah menghabiskan paling banyak masa dalam talian, iaitu sebanyak 20.9 jam seminggu. Peratusan ini dijangka makin bertambah dari masa ke semasa dengan peningkatan penggunaan media sosial di mana remaja menggunakan secara meluas penggunaan Whatapps, Instragram, Twitter, Telegram dan seumpamanya untuk tujuan berkomunikasi. Anak-anak muda masa kini dikatakan sebagai digital natif yang merujuk kepada mereka yang dilahirkan dan dibesarkan pada zaman teknologi digital.

Kajian SKMM turut menunjukkan bahawa menggunakan internet untuk berkomunikasi merupakan perkara biasa dalam kalangan remaja. Oleh yang demikian sebagai sebuah negara yang berada di ambang pembelajaran berteknologi tinggi, kita perlu menerima perubahan teknologi baru jika ingin bersaing dalam pasaran global. Adakah penggunaan media sosial ini memberi manfaat dalam pembelajaran bahasa asing masih perlu diberi perhatian dan kajian yang menyeluruh oleh pakar-pakar bahasa untuk melihat bagaimanakah medium ini dapat memberi ruang dalam pembelajaran bahasa asing.

Sekiranya dilihat dari sudut penggunaan bahasa Sepanyol di internet pula, didapati ianya telah menunjukkan perkembangan yang agak cepat. Menurut Internet World Stats (2015), perkembangan internet dalam bahasa Sepanyol pada bulan November, 2015 telah menunjukkan pertumbuhan sebanyak 1,312.4% di mana terdapat 256,787,878 pengguna internet yang menggunakan bahasa Sepanyol. Bahasa Sepanyol juga berada pada kedudukan ketiga sebagai bahasa yang paling banyak digunakan dengan peratusan pengguna sebanyak 7.6% daripada populasi dunia.

Jadual 1 di bawah menunjukkan bilangan dan peratusan pengguna internet mengikut bahasa di dunia.

Jadual 1 : Penggunaan Internet di Dunia Mengikut Bahasa
(Sumber: *Internet World Stats. Internet World Users by Language-Top 10*, November, 2015)

Bahasa yang digunakan di Internet	Jumlah Pengguna Internet	Pengguna Internet (%)	Populasi Penutur Dunia (Anggaran tahun 2015)
English	872,950,266	25.9%	1,398,283,969
Mandarin	704,484,396	20.9%	1,398,335,970
Sepanyol	256,787,878	7.6%	441,052,395
Arab	168,176,008	5.0%	375,241,253
Portugis	131,903,391	3.9%	263,260,385
Jepun	114,963,827	3.4%	126,919,659
Rusia	103,147,691	3.2%	146,267,288
Bahasa Melayu	98,915,747	2.9%	286,937,168
Perancis	97,729,532	2.9%	385,389,434
German	83,738,911	2.5%	95,324,471
Bahasa-bahasa lain di dunia	734,013,009	21.8%	2,342,890,251
JUMLAH	3,366,810,656	100.0%	7,259,902,243

Berdasarkan perkembangan penggunaan bahasa Sepanyol yang meluas di internet maka, bukanlah sesuatu yang mustahil bagi pelajar bahasa Sepanyol di Malaysia untuk menjalinkan interaksi dengan penutur natif dalam usaha meningkatkan kecekapan komunikatif mereka. Hal ini demikian kerana internet boleh digunakan sebagai medium terhadap komunikasi bahasa asing yang dipelajari. Melalui kajian ini, adalah diharapkan guru-guru bahasa dapat memanfaatkan percantuman KMK-S dalam pembelajaran bahasa Sepanyol sebagai bahasa asing agar dapat meningkatkan pendedahan dan penggunaan bahasa ini kepada pelajar. Tujuannya adalah untuk menggalakkan kecekapan linguistik dan pragmatik mereka. Selain itu, program laman sembang khususnya dapat membantu pelajar untuk berinteraksi dengan penutur natif seperti keadaan sebenar bagaimana bahasa itu digunakan.

2.1 Praktis Berkomunikasi dalam bahasa Sepanyol dengan Penutur Natif

Dalam pembelajaran bahasa asing, komunikasi boleh berlaku di antara pelajar dengan guru, pelajar dengan pelajar, dan pelajar dengan penutur natif. Namun demikian, pelajar bahasa Sepanyol di Malaysia telah menghadapi beberapa kekangan yang menghalang mereka untuk berkomunikasi dengan penutur natif. Ini adalah kerana tidak ramai penutur natif yang berada di Malaysia dikenali oleh pelajar-pelajar ini. Keadaan ini telah menyebabkan pelajar tidak dapat menguji keupayaan bahasa yang sedang dipelajari dalam dunia sebenar bahasa tersebut. Jarak antara dua negara yang begitu jauh menyukarkan lagi praktis berkomunikasi dengan penutur natif. Justeru itu pelajar perlu menggunakan sepenuhnya peluang di dalam kelas untuk menguasai dan melatih penguasaan bahasa tersebut. Namun begitu, peluang untuk berkomunikasi di dalam kelas adalah sangat terhad.

Permasalahannya, adakah semua pelajar mendapat peluang berinteraksi tanpa perlu adanya perasaan takut dan malu untuk melakukan kesilapan? Adakah kesemua mereka mempunyai keyakinan diri untuk melahirkan apa yang sebenarnya ingin diujarkan? Persoalan ini telah menjurus kepada keadaan di mana kebanyakan mereka mula mencari jalan untuk berkomunikasi dalam bahasa ini tanpa perlu pergi ke negara penuturnya dan dapat berkomunikasi tanpa adanya perasaan malu. Salah satunya ialah dengan menggunakan perantaraan laman sembang menggunakan internet. Hal ini demikian kerana pelajar memerlukan peluang untuk menggunakan bahasa yang dipelajari dalam situasi di luar pedagogi.

Menurut Bao (1993) Dornyei (1995), Dornyei & Scott (1997), Permasalahan pelajar biasanya berpunca daripada salah satu kombinasi di bawah:

- a) Kekurangan antara bahasa.
- b) Kebolehcapaian yang rendah untuk memperoleh pengetahuan.
- c) Rasa tidak selamat di pihak pelajar terhadap bahasa yang sesuai dan berkesan untuk digunakan.

Pelajar yang mempunyai tahap kecekapan bahasa yang rendah sering kali menghadapi kesukaran dalam melahirkan pemikiran dan idea mereka semasa berinteraksi dalam bahasa sasaran. Mereka mungkin kurang berkeyakinan untuk bertutur dalam bahasa sasaran kerana mempunyai lexis yang terhad. Mereka perlu menggantikan kekurangan linguistik bahasa sasaran untuk memastikan mesej boleh disampaikan kepada interlocuter. Untuk mengatasi kekurangan bahasa sasaran, sesetengah pelajar mungkin mengubahsuai atau mengurangkan kandungan mesej dan mengelakkan sesuatu topik atau konsep, manakala pelajar lain mungkin mencapai matlamat komunikasi mereka dengan membangunkan alternatif lain yang boleh memberi makna terhadap bahasa sasaran yang diperlukan. Namun demikian terdapat sesetengah pelajar yang berasa malu untuk bertutur dalam bahasa asing yang dipelajari. Justeru itu pelajar ini menjadi lebih pasif dalam kelas pembelajaran.

Sebagai seorang guru bahasa Sepanyol, pengkaji mendapati bahawa komunikasi mediasi komputer boleh digunakan oleh pelajar untuk melatih bahasa sasaran. Hal ini demikian kerana dewasa ini, interaksi boleh dilakukan hampir di mana sahaja dengan menggunakan teknologi seperti komputer, telefon bimbit dan peranti telekomunikasi yang lain. Ledakan teknologi dan globalisasi telah menjadikan komputer dan rangkaianannya sebagai suatu kaedah alternatif untuk berhubung terus dengan penutur natif dengan kos yang sangat minima dan tanpa memerlukan pengawasan guru. Penggunaan laman sembang di internet telah membuka ruang kepada pelajar bahasa Sepanyol untuk melatih bahasa sasaran di luar kelas pembelajaran tanpa sempadan. Ini akan dapat membantu pelajar membuat persediaan untuk berkomunikasi secara bersemuka (face to face) dengan penutur natif kelak. Hal ini demikian kerana dengan kemajuan teknologi dan penciptaan gadget terkini telah membolehkan pelajar berinteraksi secara sinkronus bersama penutur natif tanpa sempadan.

Walaupun pendekatan Communicative Language Teaching (CLT) melibatkan pelajar dalam tugas interaktif yang menggalakkan input dan output bahasa yang difahami seperti keadaan interaksi bersemuka (face-to-face) sebenar, namun guru-guru masih mendapati bahawa terdapat cabaran untuk memaksimumkan penggunaan pendekatan ini dalam pembelajaran. Ini adalah kerana pelajar bahasa asing biasanya tidak perlu menggunakan bahasa sasaran di luar kelas. Secara amnya, pelajar bahasa asing mempunyai masa dan peluang yang terhad untuk bertutur dan menggunakan bahasa sasaran dalam kelas pembelajaran tradisional (Campbell, 2004). Pelajar yang malu, lambat, atau takut melakukan kesilapan akan memilih untuk kurang bercakap di dalam kelas atau dalam perbincangan berkumpulan. Oleh itu, dengan adanya teknologi KMK, cara berkomunikasi dan belajar telah berubah menjadi lebih efisien (Leh, 1999; Chen, 2003). Penggunaan KMK-S menjadikan pengguna di seluruh dunia dapat meningkatkan penyertaan dalam komunikasi sinkronus (synchronous) dan asinkronus (asynchronous) tanpa sempadan masa dan ruang.

Terdapat beberapa manfaat pedagogi terhadap penggunaan KMK dalam pembelajaran bahasa (Chen, 2005). Di antaranya ialah:

- i) Meningkatkan komunikasi interaktif dan pendedahan kepada bahasa sasaran.
- ii) Mencipta peluang untuk mengambil bahagian dalam konteks sosiobudaya bahasa sasaran.
- iii) Meningkatkan kefasihan.
- iv) Menggalakkan motivasi dan autonomi pelajar.
- v) Meningkatkan kesamaan sosial dan identiti.

Memandangkan kajian tentang penggunaan KMK-S yang melibatkan pelajar bahasa Sepanyol belum pernah dijalankan di Malaysia maka, pengkaji merasakan bahawa kajian ini akan menjadi pencetus kepada kajian-kajian seterusnya. Di samping itu juga, pelajar di Malaysia perlu didedahkan dengan bahasa sasaran dengan rasa yang yakin terhadap keupayaan yang dimiliki dan positif terhadap penggunaan teknologi.

Kajian ini juga penting kepada guru bahasa Sepanyol untuk memanfaatkan penggunaan teknologi komputer untuk meningkatkan pengajaran dan pembelajaran bahasa asing ini. Adalah menjadi keperluan untuk guru-guru bahasa mencari peluang kepada pelajar untuk berkomunikasi dengan penutur natif agar mendapat pengalaman sebenar dalam bahasa yang dipelajari. Guru-guru juga perlu tahu bagaimana menggunakan internet dan gajet-gajet terkini atau apa-apa sahaja mod komunikasi maya untuk tujuan pembelajaran bahasa asing. Selain populariti penggunaan laman sembang maya yang semakin meningkat, para akademik perlu melihat bagaimana medium ini berpotensi untuk membantu guru-guru di dalam kelas bahasa asing.

Dapatan kajian ini akan memberi dorongan kepada guru bahasa Sepanyol untuk menggunakan laman sembang di dalam kelas bahasa Sepanyol di Malaysia. Pelajar juga akan mendapat pendedahan terhadap komunikasi bahasa yang dipelajari dalam dunia sebenar bahasa itu dituturkan.

3. Metodologi

Kajian ini merupakan sebuah kajian kualitatif yang menganalisis data yang diperolehi daripada soal selidik yang diedarkan kepada pelajar bahasa Sepanyol sebagai bahasa asing untuk melihat persepsi mereka terhadap penggunaan KMK-S dalam pembelajaran bahasa Sepanyol. Selain itu, kajian ini turut melihat teks interaksi laman sembang pelajar dalam laman sembang untuk melihat apakah manfaat pedagogi komunikasi mediasi komputer secara sinkronus dalam interaksi pelajar bersama penutur natif.

Responden kajian ini terdiri daripada 60 orang penuntut universiti awam di Malaysia. Mereka terdiri daripada penuntut Universiti Putra Malaysia (UPM), Universiti Utara Malaysia (UUM) dan Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Jumlah keseluruhan responden adalah seramai 60 orang. Pemilihan pelajar adalah dengan kerjasama pensyarah yang mengendalikan kursus bagi semester tersebut. Hanya pelajar yang benar-benar berminat untuk dijadikan responden kajian sahaja yang dipilih. Selain itu keupayaan pelajar dalam kemahiran bahasa ini juga diambil kira. Pelajar yang didapati tidak mencapai tahap kecekapan bahasa yang sesuai dengan kajian ini tidak dijadikan responden. Oleh yang demikian pemilihan responden bergantung sepenuhnya kepada persetujuan dan nasihat pensyarah kursus ini.

Umur responden adalah dalam lingkungan 20 hingga 25 tahun dan terdiri dari berbagai bangsa. Kajian ini mengambil masa selama enam bulan untuk proses pengumpulan data. Ianya bertujuan agar pelajar melaksanakan pembelajaran untuk sekurang-kurangnya empat belas minggu bagi semester tersebut sebelum menjalankan aktiviti perbualan sembang maya. Persediaan pelajar dari segi keselesaan fizikal dan mental sepanjang proses pengumpulan data turut dititikberatkan. Keselesaan ini akan membuatkan mereka bekerjasama sepenuhnya ketika perbualan laman sembang dijalankan.

Kajian ini dijalankan dalam dua bentuk pengumpulan data iaitu:

- a) Borang Soal selidik
- b) Interaksi Laman Sembang

4. Dapatan Kajian

Borang soal selidik yang diedarkan kepada pelajar mengandungi 15 item pengukuran di mana format jawapan bagi bahagian ini mempunyai lima kategori skala Likert yang terdiri dari (1) Amat Tidak Setuju, (2) Tidak Setuju, (3) Agak Setuju, (4) Setuju, (5) Amat Setuju. kesemua 15 item disoal secara positif. Hasil kajian menunjukkan nilai min seperti yang ditunjukkan dalam jadual di bawah:

Jadual 2: Penggunaan laman sembang dalam bahasa Sepanyol

Bil.	Item pengukuran	Nilai Min
1.	Penggunaan ruangan laman sembang telah meningkatkan minat saya dalam pembelajaran bahasa Sepanyol	3.96

2.	Saya lebih gemar bertutur dengan penutur natif bahasa Sepanyol berbanding penutur bukan natif.	3.13
3.	Saya ingin menggunakan laman sembang untuk meningkatkan kemahiran bahasa Sepanyol saya.	3.78
4.	Saya berharap sesi laman sembang diselitkan dalam kelas pembelajaran bahasa Sepanyol.	3.70
5.	Saya telah mempelajari banyak perkataan baru dalam ruangan laman sembang	4.01
6.	Laman sembang telah mengurangkan kebimbangan saya untuk berinteraksi dengan penutur natif.	4.11
7.	Sesi laman sembang amat menarik berbanding kelas pembelajaran biasa.	3.68
8.	Saya merasa kurang malu apabila melakukan kesalahan dalam ruangan laman sembang berbanding perbualan bersemuka.	4.11
9.	Penggunaan laman sembang amat mudah.	3.51
10.	Saya lebih selesa berkomunikasi secara bersemuka (face to face) bersama penutur natif	2.36
11.	Saya merasakan pengetahuan saya dalam bahasa Sepanyol akan bertambah sekiranya saya rajin laman sembang	4.16
12.	Rakan sembang sesi laman sembang bekerjasama sepenuhnya untuk menjayakan interaksi.	3.25
13.	Saya suka berbual di ruangan laman sembang kerana saya mempunyai masa yang lebih untuk berfikir.	3.56
14.	Ruangan laman sembang menyediakan persekitaran yang selesa untuk berbual dan mengatur idea.	3.58
15.	Perbualan dalam laman sembang memberi saya peluang untuk berinteraksi dengan penutur natif seakan-akan interaksi bersemuka	3.30

Berdasarkan jadual di atas, pelajar bersetuju dengan item pengukuran yang dikemukakan kecuali bagi item 10. Item-item pengukuran yang lain terserlah dengan purata min 3.5 ke atas. Perkara ini dijelaskan melalui nilai purata min yang tinggi dicatatkan oleh setiap nilai tersebut, iaitu antara 3.51 sehingga 4.16. Item 11- Saya merasakan pengetahuan saya dalam bahasa Sepanyol akan bertambah sekiranya saya rajin menggunakan laman sembang didapati mencatatkan nilai purata min tertinggi iaitu sebanyak 4.16. Ini menunjukkan responden berpendapat penggunaan laman sembang dapat membantu penguasaan bahasa Sepanyol mereka.

Dapatan ini menyokong pendapat yang diutarakan Smith (2003) dalam bidang KMK. Beliau menyatakan bahawa interaksi menggunakan mediasi komputer boleh memberi manfaat sama ada secara langsung atau tidak langsung kepada beberapa aspek dalam perkembangan pembelajaran bahasa kedua. Hal ini demikian kerana kajian dalam bidang ini turut menerokai peranan maklum balas pembetulan (corrective feedback), perundingan, jenis tugas (Blake, 2000; Pelletieri, 1999) dan juga hubungan di antara elemen-elemen ini dengan pemerolehan bahasa kedua (Smith, 2003).

Selain itu, dapatan kajian menunjukkan bahawa pelajar bersetuju bahawa KMK-S dilihat sebagai suatu peluang yang boleh digunakan oleh pelajar untuk berinteraksi dengan penutur natif seakan-akan interaksi bersemuka (Item 15). Dapatan ini menyokong penemuan Sotillo (2000), di mana beliau mendapati bahawa peserta dalam teks perbualan dalam talian secara sinkronus menggunakan modifikasi interaksi sama seperti yang berdaftar dalam perbualan bersemuka (PB). Selain itu, KMK merupakan campuran yang unik di antara pertuturan dan penulisan. (Rost, 2002; Smith, 2003; Alvarez-Torres, 2003; Zhao, 2010). Dapatan ini turut menyokong pernyataan bahawa KMK mempamerkan beberapa ciri-ciri komunikasi pertuturan tetapi dilakukan melalui mod penulisan (Blake, 2000; Smith, 2003). Walaupun KMK bukanlah seratus peratus menyamai konteks interaksi secara bersemuka, namun kajian pengkaji terdahulu telah menunjukkan bahawa KMK telah dapat melahirkan dan menambahkan peluang pelajar untuk berkomunikasi dalam persekitaran pembelajaran yang kurang memberi tekanan (Beauvois, 1992; Kern, 1995; Kim, 1998; Warschauer, 1996).

Item 6- *Laman sembang telah mengurangkan kebimbangan saya untuk berinteraksi dengan penutur natif* dan Item 8- *Saya merasa kurang malu apabila melakukan kesalahan dalam ruangan laman sembang berbanding perbualan bersemuka*, menunjukkan min yang tinggi 4.11. Hal ini kerana pelajar-pelajar yang mempunyai tahap kecekapan berbahasa yang rendah serta mempunyai perasaan malu dan pendiam akan memanfaatkan persekitaran mediasi-komputer untuk meningkatkan penghasilan linguistik mereka. Di samping itu juga, KMK menyediakan peluang yang sama rata kepada pelajar yang mempunyai latar belakang budaya dan personaliti yang berbeza (Kern, 1995). Kajian-kajian yang dijalankan oleh Perez, (2003); Warschauer, (1996) dan Roed, (2003) telah menunjukkan bahawa KMK dapat mengurangkan tahap kebimbangan pelajar bahasa asing. Keadaan ini memberi kebaikan kepada pelajar yang malu untuk berkomunikasi dalam bahasa asing di dalam kelas pembelajaran biasa. Justeru itu KMK dapat digunakan sebagai suatu penyelesaian yang munasabah untuk meningkatkan kemahiran pertuturan dan mengurangkan kebimbangan akibat dari kurang keyakinan diri di kalangan pelajar.

Item yang mendapat purata min tidak menyerlah ialah item 10- *Saya lebih selesa berkomunikasi secara bersemuka (face to face) bersama penutur natif (M=2.36)*. Ini menunjukkan bahawa pelajar tidak selesa untuk berkomunikasi secara bersemuka. Hal ini kerana mereka yang mempunyai tahap kecekapan bahasa yang rendah masih belum berkeyakinan untuk berkomunikasi dengan penutur natif secara bersemuka. Justeru itu, KMK-S merupakan medium yang sesuai untuk membina keyakinan dalam berkomunikasi dalam bahasa asing yang dipelajari.

Kajian-kajian terhadap KMK-S turut menyatakan bahawa terdapat beberapa manfaat KMK-S berbanding interaksi bersemuka. Antaranya ialah KMK meningkatkan penyertaan (equity) di kalangan pelajar serta dapat meningkatkan kuantiti dan kualiti output pelajar. Pelajar bahasa asing memerlukan pendedahan terhadap bahasa yang dipelajari di luar kelas pembelajaran. Derwing, Munro dan Thomson (2008) menyatakan bahawa pelajar yang diberi pendedahan di luar kelas pembelajaran telah menunjukkan peningkatan pemahaman lisan dan kefasihan dari semasa ke semasa berbanding pelajar yang kurang didedahkan kepada bahasa sasaran.

4.1 Manfaat KMK dalam pembelajaran bahasa Sepanyol

Berdasarkan data perbualan pelajar, didapati terdapat beberapa kebaikan penggunaan KMK-S dalam pembelajaran bahasa Sepanyol. Pertama, pelajar boleh membetulkan kesalahan leksikal melalui pemerhatian mereka terhadap perbezaan penggunaan perkataan dengan rakan penutur natif yang mempunyai kecekapan bahasa yang lebih baik. Kedua, kecekapan pragmatik pelajar akan meningkat dengan cepat kerana mereka telah menerima pakai dengan jayanya frasa dan ekspresi penutur natif. Kedua-dua kebaikan ini bermanfaat kepada pembelajaran bahasa Sepanyol mereka.

Selain itu KMK-S mempunyai ciri-ciri yang unik kerana semasa berkomunikasi pelajar dan juga penutur natif menggunakan laras yang dipermudahkan, ayat yang pendek, perkataan singkatan, makna yang dipermudahkan, penerimaan terhadap kesalahan asas dan penggunaan emotikon untuk mengekspresikan perasaan (Smith, 2003). Hal ini demikian kerana KMK-S pada dasarnya melibatkan penulisan dengan menggunakan komputer sedangkan perbualan bersemuka memerlukan pelajar berhadapan dengan interlokuter.

Di samping itu juga, didapati bahawa dengan menggunakan KMK-S, pelajar secara tidak langsung telah dapat meningkatkan kreativiti mereka untuk mengekspresikan diri. Hal ini dapat dilihat apabila mereka bersungguh-sungguh untuk menggambarkan sesuatu perkara agar dapat difahami oleh penutur natif sama ada dengan menggunakan strategi penghuraian bagi menjelaskan sesuatu leksikal yang tidak diketahui atau turut memanfaatkan penggunaan emotikon yang boleh digunakan dalam persekitaran KMK-S. KMK-S juga dilihat dapat menambahkan motivasi mereka untuk melatih bahasa sasaran di luar kelas pembelajaran biasa tanpa pengawasan guru. Selain menyediakan hubungan di antara pelajar dan penutur natif, mereka juga dapat menambahkan pengetahuan dalam budaya bahasa sasaran apabila berbual dalam topik yang melibatkan budaya.

Selain itu, populariti penggunaan perbualan atas talian secara sinkronus dalam pembelajaran bahasa semakin meningkat dari semasa ke semasa. Oleh yang demikian, pengkaji-pengkaji terdahulu menyatakan adalah penting untuk mengkaji kesan penggunaannya dalam aspek perkembangan bahasa

(Long 2003; Smith, 2003; Warschauer dan Kern, 2000). Persekitaran perbualan dalam talian secara sinkronus telah dianggap kondusif untuk kajian-kajian teori interaksionis (Blake, 2004; Smith 2004). Hal ini kerana setiap perbualan memerlukan kolaborasi di antara interlokuter.

5. Kesimpulan

Salah satu cara untuk menyediakan peluang berkomunikasi dengan penutur natif ialah mengintegrasikan KMK-S ke dalam pembelajaran bahasa. Pengintegrasian ini akan mendedahkan pelajar kepada sebanyak mungkin input bahasa asing dan memotivasikan mereka supaya menjadi lebih bersifat autonomi terhadap pembelajaran. Vahid (2008) dan Robertson (2003) menyatakan bahawa untuk memaksimumkan keberkesanan KMK-S dalam pembelajaran bahasa, guru-guru patut mengambil kira isu-isu berkaitan dengan tugas pembelajaran, pemantauan pembelajaran pelajar dan penilaian terhadap kemajuan bahasa asing yang dipelajari dengan teliti.

Sekiranya guru-guru bahasa asing merasakan perlunya untuk mengintegrasikan KMK-S dalam pembelajaran bahasa asing, mereka juga perlu memikirkan bagaimana untuk merangka tugas pembelajaran yang mampu memberi manfaat kepada kecekapan komunikatif pelajar. Mereka perlu memberi fokus kepada bagaimana medium ini dapat meningkatkan kecekapan berbahasa pelajar bersesuaian dengan tahap kecekapan berbahasa asing yang mereka miliki. Tujuannya adalah agar pelajar dapat menggunakan medium ini dalam situasi kehidupan yang sebenar bahasa sasaran.

Memandangkan kecekapan bahasa merupakan aspek yang penting dalam pemerolehan bahasa maka adalah penting guru-guru bahasa memikirkan aktiviti yang mampu menukarkan pengetahuan yang dipelajari kepada kecekapan. Pelajar perlu diberi peluang yang sesuai agar mereka dapat menggunakan apa yang telah dipelajari apabila diperlukan. Oleh itu guru-guru perlu merancang tugas pembelajaran yang mempunyai objektif yang jelas dengan mengambil kira apakah tugas pembelajaran dan bahan yang dapat memberi manfaat kepada pemerolehan bahasa pelajar dari segi linguistik bahasa sasaran dan pengetahuan pragmatik (Chapelle & Hegelheimer, 2004). Contohnya, Opp-Beckam & Kieffer (2004) mencadangkan agar tugas pembelajaran dan bahan perlu dibentuk secara bersama dengan matlamat memperoleh bahasa dan budaya bahasa sasaran. Menurut Mardian, Azman dan Yusfarina (2017), pengajaran bahasa juga akan menjadi lebih menarik dengan adanya penerapan unsur-unsur budaya bagi masyarakat bahasa yang dipelajari. Melalui cara ini pelajar akan lebih mudah memahami cara bertutur yang lebih santun dan mudah untuk mendekati serta mempraktikkan penggunaan bahasa yang dipelajari tersebut.

Prasarana yang terdapat di universiti dan persekitaran kehidupan pelajar juga perlu diambil kira. Pelajar perlu mempunyai gadget yang diperlukan dan talian internet untuk memudahkan mereka menjalankan tugas yang diberikan. Sekiranya di universiti, guru turut boleh membawa pelajar ke makmal bahasa untuk memberi peluang kepada mereka berbual dalam bahasa yang dipelajari secara lebih santai dalam laman sembang. Guru boleh merancang topik perbualan yang difikirkan sesuai agar pelajar tidak mengulang topik yang sama setiap minggu. Namun demikian, pelajar perlu diberi peluang memilih topik yang disukai untuk mengelakkan situasi perbualan yang memberi tekanan kepada mereka.

Projek seperti Computer Mediated Tandem Language Learning misalnya, boleh diperkenalkan agar pelajar dapat mengambil peluang untuk berinteraksi dengan penutur natif. Selain itu, matlamat projek ini boleh memberi manfaat kepada pelajar dan juga penutur natif kerana kedua-duanya mempunyai kepentingan tersendiri terhadap bahasa sasaran masing-masing. Pembelajaran begini mampu memupuk hubungan yang selesa kerana kedua-duanya mempunyai matlamat tersendiri untuk melibatkan diri dalam projek ini.

Aktiviti KMK-S juga boleh melibatkan sama ada pelajar dengan penutur natif atau pelajar dengan pelajar. Kedua-duanya memberi manfaat terhadap pembelajaran bahasa asing. Namun demikian guru perlu memantau kemajuan pelajar untuk melihat keberkesanannya dengan merekod kebolehan sebelum dan selepas jangka masa tertentu. Dengan ini keberkesanan setiap aktiviti dapat dikesan dan ditambahbaikkan.

Teks laman sembang juga dilihat sebagai alat yang berdaya maju dalam mewujudkan konteks komunikasi sebenar untuk pembelajaran bahasa asing sebagaimana yang diperlukan oleh pelajar. Kerjasama di antara pelajar dan penutur natif memberi peluang kepada pelajar untuk mencapai peningkatan linguistik dan kesedaran terhadap budaya bahasa asing yang dipelajari di mana peluang sebegini tidak dapat diperolehi secara bersendirian.

Aktiviti KMK-S menyediakan peluang kepada pelajar untuk berunding makna dan memperolehi peraturan bahasa melalui penggunaannya secara teratur. Pelajar bukan sahaja mempraktikkan bentuk-bentuk bahasa dan struktur nahu tetapi berpeluang berinteraksi dengan penutur natif bahasa sasaran. KMK-S oleh pelajar dari tahap kecekapan berbahasa yang berbeza juga mampu menggalakkan rundingan makna walaupun sekiranya tugas yang diberikan tidak memberi tumpuan kepada pemerolehan leksikal.

Selain itu, pendedahan pelajar terhadap bahasa sasaran yang dipelajari telah dipersetujui kebaikannya dan dianggap perlu oleh pengkaji-pengkaji terdahulu (Derwing, Munro dan Thomas, 2008, Teawo, 2007 dan Brown, 2009). Mereka turut berpendapat bahawa guru-guru perlu membantu pelajar bahasa untuk menggunakan bahasa yang dipelajari di luar kelas pembelajaran. Kekurangan pendedahan bahasa sasaran di luar kelas pembelajaran mengakibatkan pelajar tidak dapat melatih bahasa sasaran yang dipelajari. Oleh itu guru bahasa sepatutnya memikirkan aktiviti yang boleh dijalankan di luar kelas pembelajaran agar pelajar dapat mempraktikkan apa yang telah dipelajari.

Rujukan

- Alvarez-Torres, M.j. (2001). On 'chatting' in foreign language classroom, *The Clearance House*, 74, 313-316.
- Beatty, K. & Nunan, D. (2004). Computer-mediated collaborative learning. *System*, 32, 165-183.
- Blake, R. (2000). Computer mediated communication: A window on L2 Spanish inter language. *Language Learning and Technology*, 4 (1), 120-136.
- Blake, R. J., & Zyzik, E. C. (2003). Who's helping whom?: Learner/heritage-speakers' networked discussion in Spanish. *Applied Linguistics*, 24 (4), 519-544.
- Fidalgo- Eick, M. (2001). Synchronous online negotiation of meaning by intermediate learners of Spanish, Unpublished Doctoral dissertation, University of Iowa.
- Freiermuth, M. (2001). Native speakers or non-native speakers: who has the floor? Online and face-to-face interaction in culturally mixed small groups, *Computer Assisted Language Learning*, 14 (2), 169-199.
- Internet World Stats (2015). Top Ten Languages Used in the Web. Retrieved from <http://www.internetworldstats.com/stats.htm>.
- Kandanai, W., (2011). Online interaction between Thai EFL learners and English speaking chat partners: An exploration of negotiation for meaning and developing relationships. Unpublished Doctoral thesis, Iowa University, USA.
- Kitade, K. (2000). L2 learners' discourse and SLA theories in CMC: Collaborative interaction in internet chat. *Computer Assisted Language Learning*, 13 (2), 143-166.
- Knierim, M. (2001). Comparing the use of second language communication strategies in oral interaction and synchronous computer-mediated communication, Unpublished Master Thesis, Faculty of The Dorothy F. Schmidt College of Arts and Letters.
- Mali, Z. O. (2007). Exploring Communication Strategy use by learners of isiZulu in Synchronous computer-mediated communication (S-CMC). Unpublished Doctoral Thesis, University of Iowa.
- Normah Ahmad, Nor Haslimah Jalaluddin dan Mohammad Fadzeli Jaafar (2012). Strategi penjelasan dalam permohonan maaf bahasa melayu dan jepun: Satu perbandingan antara budaya. *Jurnal Linguistik*. Jilid 15. Jun 2012. Pp 1-13.

Normaliza Abd Rahim dan Siti Nur Aliaa Roslan (2012). Analisis perbualan pelajar dari tujuh negara di Sekolah St Patrick Limerich, Ireland. *Jurnal Linguistik*. Jilid 15, Jun 2012, Pp 1-10.

Palomeque, C. (2007). Communication strategies in synchronous CMC and face to face interaction, EUROCALL, Ireland.

Pellettieri, J. (2000). Negotiation in cyberspace: the role of chatting in the development of grammatical competence. In R. Kern, & M. Warschauer (Eds.), *Network-based language teaching: concepts and practice*, 59-86.

Rozita Che Omar & Kaur, J (2017) Penggunaan strategi komunikasi dalam rutin perundingan makna. *GEMA: Online Journal of Language Studies*, 17 (1). 203-222.

Smith, K. C. (2006). How to write an APA-style paper in psychology. *Journal of APA Style Rules*, 114, 23-34.

Smith, B. (2003a). Computer-mediated negotiated interaction: An expended model. *The Modern Language Journal*, 87, 38-57.

Yamada, M., & Akahori, K. (2007). Social presence in synchronous CMC-based language learning: How does it affect the productive performance and consciousness of learning objectives? *Computer Assisted Language Learning*, 20 (1), 37-65.

Zhao, Y., & Angelova, M. (2010). Negotiation of Meaning between Non-Native Speakers in Text-Based Chat and Video Conferencing. *Education Review*, 7(5), 66

Biodata Penulis

Rozita Che Omar, (Ph.D) bertugas di Jabatan Bahasa-bahasa Asia dan Eropah, Fakulti Bahasa dan Linguistik. Universiti Malaya. Berpengalaman luas dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Sepanyol sebagai bahasa asing. Beliau turut menerbitkan penulisan artikel jurnal dan membentangkan kertas kerja di peringkat kebangsaan dan antarabangsa terutamanya berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran bahasa Sepanyol sebagai bahasa asing.

Nor Shahila Mansor (PhD), bertugas sebagai seorang Pensyarah Kanan di Jabatan Bahasa Asing, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, UPM. Mendapat PhD daripada University of Valladolid, Sepanyol pada tahun 2012. Berpengalaman luas dalam pengajaran Bahasa Sepanyol sebagai bahasa asing, dan banyak terlibat dengan penyelidikan dalam bidang Sociolinguistik.